



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MERANCANG, MENGURUS, MENYELIA, MENGANALISA DAN MENTERJEMAH IMPAK MEDIA BAGI KEMPEN BAJET TAHUN 2023 NO. RUJUKAN : BER/SH/10/2023	222004 222006	19 April 2023 (Rabu) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai tarikh **07 April 2023 (Jumaat)** dengan membuat permohonan melalui emel kepada Urusetia Perolehan untuk mendapatkan salinan asal dokumen sebut harga.

Syarikat juga wajib mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai Sebut Harga ini.

Penyebutharga perlu mengemukakan tawaran Sebut Harga secara manual ke dalam peti Sebut Harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari 19 April 2023 (Rabu)** di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1278
E-mel : azninasabri@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi atau emel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.